

04/09/1999

PM tidak hadir sidang Apec

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dapat menghadiri Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di New Zealand bermula 12 hingga 13 September ini kerana perlu menyelesaikan beberapa perkara yang lebih penting.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, bagaimanapun berkata ini bukan bererti Malaysia memulaukan Apec kerana Perdana Menteri akan diwakili Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Malah, katanya, beberapa menteri termasuk Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin dan beliau sendiri, akan turut menyertai persidangan itu.

Beliau berkata, penyertaan menteri kanan lain membuktikan Malaysia mahu dalam organisasi itu dan masih menganggap Apec sebagai penting.

"Dulu ketika Apec diadakan di negara ini, Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton juga diwakili Naib Presidennya, Al Gore, dan kita tak kata Amerika memulaukan Apec," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di sini hari ini selepas menyerahkan sumbangan kerajaan sebanyak AS\$100,000 (RM380,000) bagi membantu Turki yang dilanda gempa bumi, baru-baru ini.

Syed Hamid menyerahkan sumbangan itu kepada Duta Turki ke Malaysia, Koray Targay.

Beliau diminta mengulas laporan media asing yang menggambarkan seolah-olah Malaysia memulaukan Apec berikutan ketidakhadiran Dr Mahathir.

Syed Hamid berkata, kerajaan sentiasa telus dengan keputusannya, termasuk mengumumkan penyertaan beberapa menteri pada persidangan itu.

"Sebelum menghadiri sesuatu persidangan antarabangsa, kita merujuk kepada Kabinet untuk kelulusan," katanya.

Syed Hamid juga menolak spekulasi kononnya Dr Mahathir tidak hadir ke persidangan itu kerana pilihan raya umum akan diadakan dalam masa terdekat.

"Tiada sesuatu yang luar biasa jika ketua negara tidak menghadiri Apec kerana mereka kadang-kala mempunyai perkara lebih utama untuk diselesaikan," katanya.

Beliau turut menangkis khabar angin yang mengatakan Perdana Menteri tidak sihat.

"Perdana Menteri berada dalam keadaan sihat, jika sesuatu terjadi kepada Dr Mahathir seperti tidak sihat, Jabatan Perdana Menteri akan mengeluarkan kenyataan," katanya.

Terdahulu, Koray dalam ucapannya bersyukur dan menghargai keprihatinan dan kemurahan hati rakyat dan negara ini menghulurkan bantuan bagi mangsa gempa bumi di Turki.

(END)